

Newspaper	Kosmo
Date	12/12/2012



DR. MAHATHIR (tengah) bersalaman dengan sebahagian pegawai daerah pada Mesyuarat Penyelaras Pembangunan Daerah Siri 2/2012 di Petaling Jaya semalam.

Sumber kewangan boleh dibelanjakan untuk bidang lain

Subsidi kerajaan perlu dikurangkan

Kosmo 12/12/2012

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR
dan AZLINA MUSTAPHA
berita@kosmo.com.my

PETALING JAYA - Rakyat negara ini perlu mengurangkan kebergantungan kepada subsidi pemberian kerajaan kerana wang berkenaan boleh dibelanjakan untuk bidang-bidang lain yang boleh menguntungkan mereka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemberian subsidi walaupun pada dasarnya bagaikan menguntungkan mereka tetapi pada masa sama ia mengurangkan perbelanjaan

untuk keperluan yang lain.

"Masih wujud banyak ruang untuk pembangunan dalam negara ini seperti infrastruktur, kemudahan dan macam-macam lagi.

"Kita boleh guna wang itu untuk tujuan berkenaan tetapi kalau ia (subsidi) banyak diberikan kepada rakyat maka kita terpaksa mengorbankan keperluan rakyat yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Penyelaras Pembangunan Daerah Siri 2/2012 di Hotel Royale Bintang di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hasan Malek dan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Ibrahim Mohamad.







Pada mesyuarat yang dihadiri 300 orang pegawai daerah termasuk dari Sabah dan Sarawak itu, Mahathir menyampaikan syarahan bertajuk Transformasi Luar Bandar - Peranan Pentadbir Daerah.

Dalam isu berkaitan, Dr. Mahathir turut mencadangkan agar diwujudkan satu sistem baharu sebagaimana yang digunakan untuk kutipan cukai pendapatan di negara ini.

Beliau menjelaskan, melalui cukai pendapatan, terdapat skala penanda pendapatan seseorang dan peratusan cukai yang perlu individu berkenaan jelaskan kepada kerajaan.

"Kalau kita boleh urus seperti cara ini, barulah subsidi itu tidak menguntungkan yang kaya dan melaluinya kita dapat kurangkan subsidi," katanya.

Pada masa sama, beliau menegaskan bahawa subsidi tidak seharusnya diberikan kepada golongan yang tidak layak mendapatkannya seperti kelompok orang berada.

 RM1180	 RM83	 RM128
 RM399	 RM378	 RM598

PM DOOR & LOCKS TRADING
(SAG185283-M)
45-90-1, Lorong Batu Nilam 1E,
Bandar Bukit Tinggi,
41200 Kelang, Selangor. Faks: 03-3324 9607
Tel: 03-3324 2468 / 03-3324 9907 HP: 016-224 8858
Kedai Di Belakang Hong Leong Bank Dibuka dari Isnin - Sabtu